

SOALAN NO.: 14

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN SIM TZE TZIN
KAWASAN : BAYAN BARU
TARIKH : 27 JULAI 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN SIM TZE TZIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan nama-nama syarikat konsesi tol yang mengalami kebangkrapan dan sebuah lagi syarikat yang menstruktur semula kewangan. Apakah akibat kepada rakyat jika syarikat-syarikat tersebut bankrap dan apakah tindakan Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebuhraya-lebuhraya di Malaysia dibina secara penswastaaan melalui kaedah bina-kendali-pindah [Build-Operate-Transfer (BOT) Model] dengan berasaskan konsep *user pay*. Di bawah model ini:

- (i) projek lebuhraya dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui ekuiti dan pinjaman;
- (ii) had tanggungan Kerajaan adalah terhadap kepada pengambilan tanah sahaja;
- (iii) daya maju atau *viability* projek dinilai oleh pihak swasta manakala risiko permintaan (*demand risk*) ditanggung oleh pihak swasta; dan
- (iv) Kerajaan mengawalselia (*regulate*) kadar tol di mana ia tidak ditentukan secara *free-market*.

Walaupun demikian, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab serta mengambil kira infrastruktur lebuhraya – lebuhraya merupakan salah satu keutamaan kepada rakyat, Kerajaan sentiasa bekerjasama dengan pihak syarikat konsesi bagi memastikan kelangsungan (*sustainability*) projek-projek lebuhraya selari dengan terma-terma di bawah perjanjian konsesi.

Sehubungan itu, berhubung dengan kedudukan syarikat-syarikat konsesi yang sedang berhadapan dengan masalah kewangan, pihak Kementerian sedang memantau perkara ini dan *engagement* sedang dilaksanakan dengan pihak syarikat konsesi yang berkaitan sebelum sebarang keputusan dibuat oleh pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.